



Beting pasir boleh sebabkan banjir kilat *sh 1/6*

BETING pasir dan longgokan rumput di Sungai Klang berhampiran Kampung Abdullah Hukum Bangsar, Kuala Lumpur perlu dibuang dan dibersihkan untuk memastikan kelancaran aliran air sungai berkenaan. Jika perkara ini dibiarkan, aliran air menjadi perlahan dan tersumbat serta boleh menyebabkan paras air naik dengan cepat. Perkara ini boleh menjadi punca air melimpah dan berlaku banjir kilat jika hujan lebat. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mengambil berat perkara ini.